



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)

(DIKEMASKINI PADA 20 MAC 2020)

- 1. Adakah warganegara dan penduduk tetap dibenarkan pulang ke Malaysia sepanjang tempoh PKP? Apakah tindakan yang perlu mereka lakukan?**

Ya, mereka dibenarkan pulang ke Malaysia namun dikehendaki menjalani saringan kesihatan dan melakukan kuarantin sendiri (*self-quarantine*) selama 14 hari.

- 2. Adakah pelawat asing dibenarkan keluar dari Malaysia sepanjang tempoh PKP?**

Ya dibenarkan keluar dari Malaysia namun tidak dibenarkan kembali semula sepanjang tempoh PKP ini berkuat kuasa.

- 3. Bagaimana dengan warganegara asing yang tamat pas dalam tempoh PKP dan ingin pulang ke negara asal?**

Pelawat asing yang tamat Pas semasa dalam tempoh pelaksanaan PKP, dibenarkan pulang ke negara asal tanpa perlu mendapatkan Pas Khas di Pejabat Imigresen.

- 4. Bagi warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang memegang Pas Jangka Panjang seperti Ekspatriat dan Pas Kerja (*Work Permit*) di negara asing, adakah mereka dibenarkan pulang ke negara tersebut?**

Ya, mereka dibenarkan pulang dengan syarat tidak kembali ke Malaysia dalam tempoh PKP. Mereka perlu sertakan dokumen atau bukti Pas Jangka Panjang sebagai rujukan di kaunter pemeriksaan Imigresen.

5. Bolehkah warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang memegang *Permanent Resident (PR)* / Pas Jangka Panjang dari negara lain dibenarkan keluar semasa tempoh PKP dilaksanakan?

Boleh, mereka dibenarkan keluar dari Malaysia namun tidak dibenarkan kembali semula ke negara ini sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa. Mereka perlu sertakan dokumen atau bukti Pas Jangka Panjang sebagai rujukan di kaunter pemeriksaan Imigresen.

6. Adakah warganegara asing pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang seperti MM2H, Pas Lawatan Kerja Sementara, Pas Pelajar, Pas Ekspatriat, Pas Tanggungan dan lain-lain pas dibenarkan masuk ke Malaysia? Bagaimana pula jika pas tersebut tamat tempoh semasa pemegang pas berada di luar negara?

Tidak dibenarkan masuk. Sekiranya pas tamat tempoh semasa pemegang pas berada di luar negara. Mereka dibenarkan kembali semula ke negara ini selepas tempoh PKP ini berakhir.

7. Adakah warganegara dan Penduduk Tetap Malaysia yang ingin ke luar negara atas tujuan melancong dibenarkan?

Tidak dibenarkan keluar.

8. Adakah PKP bagi warganegara Malaysia (Semenanjung) bebas untuk bergerak ke Sabah / Sarawak?

Ya, terpakai bagi perjalanan domestik kecuali bagi warganegara Malaysia yang sedang bercuti, belajar atau bekerja/menjalankan tugas rasmi di Sabah / Sarawak adalah tidak dihalang untuk kembali ke Semenanjung dan sebaliknya.

Pergerakan dari Semenanjung ke Sabah :

- i. Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan yang masuk ke negeri Sabah untuk menjalankan *essential services* tertakluk kepada surat pengesahan Ketua Jabatan yang dikeluarkan khusus setiap kali keperluan tugas.

- ii. Pekerja sektor swasta yang masuk ke negeri Sabah untuk menjalankan tugas-tugas *essential services* tertakluk kepada surat pengesahan majikan yang dikeluarkan khusus setiap kali keperluan tugas.
- iii. Penduduk bukan rakyat Sabah (*non-Sabahan*) termasuk suami/isteri dan anak mereka dengan pemegang Pas Penduduk Tetap Sabah, penduduk Sabah dibawah Pas Kerja, Pas Pelajar, Pas Lawatan Sosial jangka panjang atau apa-apa perintah pengecualian dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*. Pasangan yang bukan penduduk Sabah perlu menunjukkan bukti perkahwinan.

Pergerakan dari Semenanjung ke Sarawak :

- i. Penduduk bukan rakyat Sarawak (*non-Sarawakian*) termasuk suami/isteri dan anak mereka dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*. Pasangan yang bukan penduduk Sarawak perlu menunjukkan bukti perkahwinan.
- ii. Penduduk bukan rakyat Sarawak (*non-Sarawakian*) termasuk suami/isteri dan anak mereka dengan pemegang Pas Kerja, Pas Pelajar, Pas Lawatan Sosial jangka panjang adalah dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*. Pasangan yang bukan penduduk Sarawak perlu menunjukkan bukti perkahwinan.
- iii. Pemegang MyPR Sarawak dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*.
- iv. Penjawat awam yang bukan anak tempatan Sarawak (*non-Sarawakian*) termasuk suami/isteri dan anak mereka yang bertugas di Sarawak dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*. Pasangan yang bukan penduduk Sarawak perlu menunjukkan bukti perkahwinan.
- v. Rakyat Brunei / Indonesia (Kalimantan) / Rakyat Malaysia (Sabah) dan Singapura yang transit dari Kalimantan dan Brunei melalui jalan darat perlu berlepas dan perlu melaporkan diri kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk CIQS (Tebedu, Tedungan dan Sungai Tujuh, Merapok, Mengkalap, Biawak, Lubuk Antu dan Pandaruan) pada hari yang sama dengan Pas Transit.

- vi. Untuk anak tempatan Sarawak/bukan anak tempatan Sarawak yang memegang Pas Kerja Sarawak/Pas Pelajar/Pas Lawatan Jangka Panjang daripada Limbang, Lawas atau Miri yang merentasi Brunei perlu memohon pengecualian kuarantin sendiri selama 14 hari.
- vii. Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan yang masuk ke negeri Sarawak untuk menjalankan *essential services* tertakluk kepada surat pengesahan Ketua Jabatan yang dikeluarkan khusus setiap kali keperluan tugas.

Walau bagaimanapun, setiap warganegara yang melakukan pergerakan tersebut adalah tertakluk kepada arahan/garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

9. Bolehkah warganegara dan Penduduk Tetap Malaysia yang mempunyai permit kerja di Thailand dibenarkan keluar untuk bekerja di Thailand dalam tempoh PKP?

Tidak dibenarkan.

10. Adakah warganegara dan Penduduk Tetap Malaysia dibenarkan mengunjungi Kompleks Bebas Cukai di Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Pengkalan Hulu, Perak?

Tidak dibenarkan.

11. Adakah suami (warga asing) kepada warganegara / Isteri (warga asing) kepada warganegara dan anak (warga asing) kepada warganegara Malaysia dibenarkan masuk ke Malaysia dalam tempoh PKP?

Ya, mereka dibenarkan pulang ke Malaysia namun dikehendaki menjalani saringan kesihatan dan melakukan kuarantin sendiri (*self-quarantine*) selama 14 hari.

12. Adakah Diplomat Malaysia dibenarkan ke luar negara untuk kembali bertugas di perwakilan masing-masing?

Ya, dibenarkan.

13. Adakah Diplomat Asing dibenarkan masuk ke Malaysia? Bagaimana pula dengan pasangan dan keluarga diplomat tersebut jika mereka ingin masuk bersama ke Malaysia?

Hanya diplomat asing yang bertugas di perwakilan dalam negara dibenarkan masuk manakala pasangan atau keluarga terdekat diplomat, mereka perlu mempunyai Pas Tanggungan. Diplomat dan pasangan / keluarga perlu menjalani kuarantin sendiri (*self-quarantine*) selama 14 hari.

14. Apakah punca kuasa JIM menguatkuasakan PKP?

- i. Perintah Kawalan Pergerakan (*Movement Control Order*) 18-31 Mac 2020, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 17 Mac 2020;
- ii. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (1988);
- iii. Akta Polis (1967);
- iv. Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan 2020 (18 Mac 2020) P.U.(A) 91;
- v. Akta Imigresen 1959/63;
- vi. Peraturan Imigresen;
- vii. Akta Pasport 1966;
- viii. Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen; dan
- ix. Pekeliling Imigresen dan Pekeliling Imigresen Malaysia Terhadap

15. Sebarang pertanyaan tambahan berhubung isu-isu ini bolehlah menghubungi 03-8888 2010 (Pusat Pengurusan Operasi Negara MKN).